KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16.03.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	UMUM			

lokal

Kenal pasti 3 lokasi Rafflesia

PHD Raub temui bunga terbesar di dunia di Lata Lembik, Bukit Taching dan Gunung Benom

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Raub

Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub mengenal pasti tiga lokasi di daerah ini yang mempunyai bunga terbesar di dunia, Rafflesia atau dikenali sebagai pakma.

Tumbuhan unik menjalar itu berada di tiga lokasi di Lata Lembik, Bukit Taching dan Gunung Benom dalam kawasan hutan simpan kekal.

Pegawai Hutan Daerah Raub Shahril Mohamad berkata, usaha mempromosikan Rafflesia yang terdapat di daerah ini sedang giat dilakukan secara berperingkat dengan kerjasama agensi pelancongan tempatan bersama malim gunung atau pemandu pelancong.

Katanya, Rafflesia mampu menjadi daya tarikan pelancong ke Taman Eko Rimba (TER) dengan mereka hanya perlu masuk ke dalam hutan sejauh beberapa kilometer.

"Di daerah ini, ada enam jenis Rafflesia antaranya Rafflesia cantleyi, Rafflesia azlanii dan Rafflesia sharifah hapsahiae. Ini disahkan oleh penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia yang membuat tinjauan tumbuhan berkenaan.

"TER Lata Jarum antara lokasi terkenal dengan Rafflesia dan setiap kali pakma kembang, ramai pelancong tempatan datang melihat lebih dekat bunga terbesar di dunia itu," katanya ketika berkunjung ke TER Lata Jarum, kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan laluan di beberapa TER bagi memudahkan pelancong sampai ke kawasan Rafflesia itu.

Menurutnya, kakitangan PHD Raub sentiasa memantau kawasan tumbuhan Rafflesia dan sekiranya terdapat bunga yang kembang, ia akan dikongsi dengan agensi pelancongan tempatan dan malim gunung.

Katanya, Rafflesia yang kembang hanya bertahan beberapa hari dan selepas itu, ia akan musnah dan reput secara semula jadi.

"Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menetapkan pelancong yang ingin masuk ke hutan untuk melihat Rafflesia perlu mendapatkan khidmat malim gunung bagi mengelak berlaku kejadian tidak diingini.

"Sebelum masuk ke dalam hutan simpan, mereka terlebih dahulu perlu mendapatkan permit memasuki hutan simpan yang dikeluarkan pejabat hutan daerah," katanya.



SHAHRIL (dua dari kanan) menunjukkan bunga Rafflesia yang ditemui di TER Lata Jarum.

Di daerah ini, ada enam jenis Rafflesia antaranya Rafflesia cantleyi, Rafflesia azlanii dan Rafflesia sharifah hapsahiae"

Shahril

Lima tahun bercambah, mekar seminggu

Ranau: Bunga Rafflesia memerlukan tempoh masa sekurang-kurangnya lebih lima tahun untuk bercambah dan berkembang iaitu bermula dari benih, pertumbuhan tunas sehingga mekar namun jangka hayatnya hanya bertahan antara lima hingga tujuh hari.

Petugas Taman-Taman Sabah, Abidin Giking yang bertanggungjawab mengendalikan bunga Rafflesia di kawasan seluas 1.3 hektar di kebun bunga Rafflesia, Poring berkata, untuk pertumbuhan benih kepada tunas sahaja memerlukan masa hampir empat tahun dan dari tunas hingga kembang antara 12 hingga 15 bulan.

Beliau yang sudah bertugas di kebun itu sejak 16 tahun lalu berkata, hanya bunga Rafflesia Keithii yang terdapat di situ selepas ditanam pada tahun 2005 melalui empat kaedah iaitu secara mata tunas, anak benih, keratan dan pindah tanam.

"Semua kaedah ditanam berjaya dan bunga Rafflesia Keithii yang berkembang sekarang ini hasil kaedah anak benih bersaiz 78 sentimeter dan berkembang dalam tempoh lima hingga tujuh hari sahaja.

"Tetapi bergantung kepada keadaan cuaca, kalau cuaca panas bunga ini akan layu dalam tiga hari dan cuaca lembap boleh bertahan sehingga seminggu," katanya ketika ditemui di Sub Stesen Kolam Air Panas, Poring di sini.

Abidin berkata, kelopak bunga Rafflesia sensitif dengan sentuhan manusia dan akan bertukar warna kehitaman dalam beberapa jam sebelum mati apabila disentuh, selain mengeluarkan bau busuk yang menarik serangga lain seperti lalat untuk hinggap sekali gus menjadi ejen pendebungaan.

Di kebun itu, Abidin akan memberi penerangan kepada pengunjung mengenai proses pertumbuhan Rafflesia dan menurutnya bunga itu adalah jantina yang dapat dikenal pasti selepas enam bulan bunga itu mati.

Katanya, Rafflesia betina ada cakera terletak di bawah bunga yang mempunyai ovari dan menyimpan ribuan biji benih yang akan menjadi makanan kepada haiwan seperti tikus serta tupai.

"Haiwan ini akan membawa benih Rafflesia ke kawasan perumah lain di sini sebelum bercambah menjadi tunas," katanya sambil memberitahu ada 50 perumah di situ.

Menurut Abidin setiap perumah mempunyai 10 hingga 15 tunas dan pertumbuhan Rafflesia bergantung sepenuhnya kepada perumah sebagai pembekal makanan kepada Rafflesia Keithii.

Katanya kawasan itu mula dibuka untuk kunjungan orang ramai sejak 2013 dengan bayaran masuk RM10 seorang dan sebelum pandemik Covid-19 dianggarkan lebih 1,000 pelancong datang melihat bunga Rafflesia.

Seorang penganjung Toh Siew Har, 55, berasa bertuah kerana ia merupakan peluang keemasannya bersama rakan-rakan apabila dapat melihat spesies bunga Rafflesia ketika melancong ke Sabah meskipun kunjungan itu tiada dalam perancangan mereka.

"Ini kali pertama saya dapat lihat bunga Rafflesia, di sini kami dapat tengok dengan mata sendiri, lagipun ada orang yang menerangkan lebih jelas tentang bunga Rafflesia," katanya yang berasal dari Sungai Petani, Kedah.

Siew berkata penjelasan daripada Abidin sangat terperinci malah memberinya kefahaman tentang bunga Rafflesia yang sebelum ini hanya diketahui melalui pembacaan dan melihat bunga Rafflesia di YouTube mahupun media massa.

Berkongsi pengalaman sama, Tan Say Lee, 55, yang juga berasal dari Sungai Petani Kedah berkata, ia kali pertama beliau datang ke Sabah sekali gus dapat melihat bunga Rafflesia secara dekat, sangat mengujakan.

Katanya, sebelum ini beliau hanya mendengar nama bunga Rafflesia sahaja, tetapi tidak berpeluang melihat secara dekat bunga Rafflesia dan kunjungan ke Sabah kali ini menurutnya sebagai 'langkah kanan.'

Kalau cuaca panas bunga ini akan layu dalam tiga hari dan cuaca lembap boleh bertahan sehingga seminggu"

Abidin



KELOPAK bunga Rafflesia sensitif dengan sentuhan manusia.